

NAMA MURID : \_\_\_\_\_



**SEKOLAH KEBANGSAAN LA SALLE (1) BRICKFIELDS**  
**JALAN TUN SAMBANTHAN**  
**50470 KUALA LUMPUR**

**UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK 2025**

**BAHASA MELAYU**  
**TAHUN 4**

**1 jam 15 minit (Satu jam lima belas minit)**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian soalan di 10 halaman bercetak.*
2. *Kamu dikehendaki menjawab **semua** soalan dalam halaman ini.*
3. *Tulis jawapan pada ruangan yang disediakan pada kertas soalan.*

| BAHAGIAN      | MARKAH    |             |
|---------------|-----------|-------------|
| <b>A</b>      | <b>10</b> |             |
| <b>B</b>      | <b>10</b> |             |
| <b>C</b>      | <b>10</b> |             |
| <b>D</b>      | <b>20</b> |             |
| <b>JUMLAH</b> |           | <b>/ 50</b> |

Disediakan oleh ,

Disemak oleh ,

Disahkan oleh ,

.....  
(NIIK RIDZUAN BIN MAD NOR)  
GURU BM TAHUN 4

.....  
(MOHD FIKRI BIN AHAMED)  
SETIAUSAHA  
PANITIA BAHASA MELAYU

.....  
(LINHA BINTI AHMAD)  
PK PENTADBIRAN

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak untuk dijawab

**Bahagian A**  
**[10 markah]**

**Soalan 1 dan 2**

*Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.*

- 1 Dayyan mengopek durian dengan \_\_\_\_\_ supaya jarinya tidak terluka.  
A deras  
B gopoh  
C cermat  
D laju
  
- 2 Encik Imran membeli sebiji kek coklat \_\_\_\_\_ sambutan hari jadi anaknya.  
A bagi  
B pada  
C untuk  
D kepada

**Soalan 3**

- 3 *Pilih ayat yang betul.*  
A Windel merupakan anak ketiga-tiga dalam keluarganya.  
B Kedua-dua orang anak lelaki Encik Jebat belajar di universiti.  
C Ammar belajar selama keempat-empat tahun dalam jurusan bahasa.  
D Syuiz berjaya mendapat tempat kedua-dua dalam pertandingan pidato.

**Soalan 4 hingga 6**

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Loceng berbunyi, Afzal segera mengemas mejanya. Afzal mengambil beg di kerusinya lalu menggalasnya berjalan menuruni anak tangga. Tiba-tiba, dia ternampak sebuah dompet. Hampir lima belas minit dia menunggu pemilik dompet itu di tepi tangga. Malangnya, tiada sesiapa yang datang mengambil. Dia segera pergi ke pejabat sekolah dan menyerahkan dompet itu.

Cikgu Linha masuk ke dalam pejabat. Afzal mendengar perbualan antara kerani dengan Cikgu Linha tentang dompet yang tercicir. Kerani menghulurkan dompet tersebut kepada Cikgu Linha dan menceritakan hal sebenar. Cikgu Linha mengucapkan terima kasih kepada Afzal.

- 4 Di manakah Afzal terjumpa dompet tersebut?  
A Pejabat  
B Tangga  
C Kerusi  
D Meja

- 5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A Afzal mengambil beg di meja lalu menggalkannya.
  - B Afzal menunggu Cikgu Linha di pejabat.
  - C Kerani menceritakan tentang dompet itu kepada Afzal.
  - D Kerani menyerahkan dompet kepada Cikgu Linha.
- 6 Berikut adalah tindakan Afzal selepas terjumpa dompet *kecuali*
- A menggalkan beg menuruni anak tangga.
  - B menunggu pemilik dompet di tepi tangga.
  - C menyerahkan dompet kepada kerani sekolah.
  - D menunggu pemilik dompet hampir lima belas minit.

**Soalan 7 hingga 10**

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**BAHAN 1**

Encik Iris mengusahakan perniagaan pisang goreng dan tapai di hadapan rumahnya. Dia seorang bapa yang rajin.

Anak-anaknya sering mengadakan *promosi* perniagaan makanan bapa mereka. Oleh sebab itu, jualan mereka mendapat sambutan ramai dan habis setiap hari.

**BAHAN 2**

PERNIAGAAN KEREPEK ENCIK MALIK

HARGA *PROMOSI*  
KEREPEK

PISANG - RM 12.00

UBI - RM 10.00



\* Harga yang ditawarkan sangat murah dan berpatutan.

\* Kami juga menjual kerepek ubi kentang.

\* Pembelian dalam talian.

- 7 Encik Iris mengusahakan perniagaan
- A ubi goreng.

- B kerepek ubi.
- C pisang goreng.
- D kerepek kentang.

8

Encik Iris        mengusahakan perniagaan menjual pisang goreng dan tapai di hadapan rumahnya.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

- A biji.
  - B buah.
  - C bidang.
  - D bentuk.
- 9 Perkataan *promosi* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan
- A iklan.
  - B sumber.
  - C rujukan.
  - D panduan.
- 10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A Harga promosi untuk kerepek pisang ialah RM12.00.
  - B Encik Iris dan Pak Malik mengadakan promosi dalam talian.
  - C Encik Iris mengusahakan perniagaan menjual kerepek pisang.
  - D Pak Malik menjual pisang goreng dengan harga yang murah dan berpatutan.

**Bahagian B [10 markah]**

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Ryan tinggal seorang diri di rumah. Ibu dan bapanya tiada di rumah kerana menziarahi nenek yang sedang sakit tenat di kampung. Sebagai anak tunggal, Ryan perlu berani dan kuat untuk tinggal seorang diri. Ibu dan bapanya risau meninggalkan Ryan keseorangan. Namun, Ryan berjaya menakutkan mereka bahawa dia mampu berdikari. Ryan berdoa agar neneknya cepat sembuh.

- 1 (a) Apabila tinggal seorang diri, Ryan perlu \_\_\_\_\_.

[1 markah]

- (b) Mengapakah ibu dan bapa Ryan pulang ke kampung?

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ [2 markah]

- (c) Gariskan **satu kata ganti nama diri** yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Namun, Ryan berjaya menakutkan mereka bahawa dia mampu berdikari.

[1 markah]

- (d) Pilih dan tandakan ( ✓ ) bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan. Ryan tinggal seorang diri di rumah.

|                                     |  |
|-------------------------------------|--|
| Di rumah Ryan tinggal seorang diri. |  |
| Ryan seorang diri di rumah tinggal. |  |

[1 markah]

*Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.*

*Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan.***

Ketika pulang dari sekolah, kamu ternampak seorang jiran berjalan sambil membawa empat bungkusan barang yang dibeli dari kedai runcit.

(e) Apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

---

---

---

---

---

[5 markah]


**Bahagian C [10 markah]**

*Grafik di bawah menunjukkan kelakuan seseorang anak yang baik.*

*Tuliskan pendapat kamu tentang **cara-cara anak membantu ibu bapa di rumah.***

*Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu perenggan.***

*Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan.***



---

---

---

---

---

---

---

[10 markah]

### BAHAGIAN D (20 markah)

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.



**CARA-CARA  
MEWUJUDKAN  
KELUARGA YANG  
BAHAGIA**



|            |            |              |                   |         |
|------------|------------|--------------|-------------------|---------|
| harmonis   | meluangkan | Silaturrahim | Bertanggung jawab | pantai  |
| Hari lahir | berkelah   | tekanan      | kesihatan         | cara    |
| sungai     | perhatian  | kenduri      | Air terjun        | keraian |
| menghargai | makan      | bahagia      | kenduri           | menanam |

Benarkah keluarga (1)\_\_\_\_\_ adalah asas kepada kehidupan yang sejahtera dan harmonis? Saya amat sayang keluarga saya. Ada pelbagai cara yang boleh dilakukan untuk mewujudkan keluarga bahagia dan (2)\_\_\_\_\_

Antaranya, (3) \_\_\_\_\_ bersama keluarga adalah salah satu aktiviti yang paling bermanfaat untuk mewujudkan keluarga bahagia. Sebagai contoh, berkelah di tepi (4) \_\_\_\_, (5) \_\_\_\_\_ atau \_\_\_\_\_

(6)\_\_\_\_\_ dapat yang memberi banyak manfaat. Hasilnya, ia dapat mengeratkan hubungan (7) \_\_\_\_\_, membantu mengurangkan (8)\_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_ dapat meningkatkan kebahagiaan.

Seterusnya, (9) \_\_\_\_\_ dan memasak bersama. Misalnya bergotong royong menyediakan hidangan sarapan pagi atau makan malam adalah satu aktiviti yang menyeronokkan. Hasilnya, dapat berkumpul bersama keluarga dan berkongsi cerita tentang hari mereka. Ini juga dapat mengajar kita menjadi keluarga yang (10) \_\_\_\_\_, bekerja sama dan (11) \_\_\_\_\_ antara satu sama lain.

Selain itu, mengadakan majlis (12) \_\_\_\_\_ bersama ahli keluarga. Sebagai contoh, mengadakan sambutan (13) \_\_\_\_\_ ahli keluarga dan (14) \_\_\_\_\_ kesyukuran. Hasilnya dapat meningkatkan rasa kasih sayang dan dapat mencipta kenangan manis yang akan dikenang sepanjang hayat.

Akhir sekali, (15) \_\_\_\_\_ bersama keluarga. Contohnya, (16) \_\_\_\_\_ herba, sayur – sayuran atau bunga di belakang rumah. Hasilnya, kita dapat (17) \_\_\_\_\_ masa bersama keluarga dan juga dapat meningkatkan (18) \_\_\_\_\_ tubuh badan.

Kesimpulannya, ada pelbagai (19) \_\_\_\_\_ yang boleh dilakukan untuk mewujudkan keluarga bahagia. Oleh itu, pilihlah aktiviti yang sesuai yang dapat meningkatkan kebahagiaan dan keharmonian keluarga. Kebahagiaan keluarga adalah tanggungjawab bersama yang memerlukan (20) \_\_\_\_\_ dan kasih sayang yang berterusan.





